

Penjelasan Rafidah kepada Dr. M berhubung isu Proton, AP

# Pertikaian selesai – PM

MM-10/7/2005

Oleh HAIRULAZIM MAHMUD

KUALA LUMPUR 9 Julai – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menganggap isu pertikaian antara Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Penasihat Proton dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz telah selesai.

Beliau percaya isu-isu yang ditimbulkan oleh Dr. Mahathir berkaitan industri automotif termasuk Proton dan permit import (AP) selesai selepas Rafidah menghantar surat penjelasan kepada bekas Perdana Menteri itu.

Ditanya mengenai kandungan surat itu selepas beliau menerima salinannya, Abdullah enggan mendedahkannya, tetapi mengesahkan bahawa Rafidah telah menyampaikannya kepada Dr. Mahathir.

“Saya tidak akan dedahkan kandungannya kerana ia adalah untuk Tun (Dr. Mahathir). Saya percaya isu itu telah selesai kerana penjelasan telah diberi,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menutup Bengkel Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Bahagian-Bahagian Seluruh Malaysia anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan dengan kerjasama Biro Agama UMNO di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri berkata, Kabinet mengarahkan Rafidah menjabar secara bertulis kepada Dr. Mahathir berhubung isu Proton dan pengeluaran AP.

Menurut Abdullah, Rafidah “perlu menjawab kerana isu-isu itu adalah berkenaan kementerian beliau.”

Difahamkan, surat itu dihantar kepada Dr. Mahathir di rumahnya malam semalam sebelum beliau berangkat ke luar negara.

Salinan surat itu dihantar kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Selasa lalu, Dr. Mahathir berkata, wujud pengeluaran AP tahun 2004 yang ‘tidak seimbang’ kepada segelintir syarikat.

Beliau juga menyentuh mengenai dasar automotif kerajaan dan kemasukan kereta-kereta asing pada harga yang amat rendah hingga mengurangkan daya saing kereta nasional, selain menjawab kritikan Rafidah terhadapnya.